

redaksi

PENGARANG KUMPULAN BH

Datuk Mahfar Ali
mafah@bh.com.my

TIMBALAN PENGARANG
KUMPULAN BH

Datuk Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

PENGARANG BERSEKUTU
MINGGUAN/BH2

Azhar Abu Samah
azharas@bh.com.my

PENGARANG WANITA
Jami'ah Sokri
jamia@bh.com.my

PENGARANG HIBURAN
Shamshul Azree Samshir
sazree@bh.com.my

PENGARANG BERITA
Zainuri Misfar
zainuri_misfar@bh.com.my

REKA BENTUK
Unit Grafik BH




PENGIKLANAN
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN
TEL: 1 300 22 6787

FAKS: 603 2056 7081

✉ E-mel atau surat ke alamat:

bhrita@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riang, 59100,
Kuala Lumpur



Kain limar bersongket mampu mencecah hingga **belasan ribu ringgit**.

BH

16/11/2016

mlf b2-b3

Tenunan ikat limar semakin dilupakan

Pernah popular dalam keluarga diraja Kelantan dan Terengganu

Seni tenunan kain adalah antara warisan yang masih mendapat tempat di negara ini biarpun semakin ramai generasi muda tidak lagi berminat untuk mempelajarinya.

Songket antara contoh hasil tenunan yang terus menjadi pilihan dan dapat dilihat dalam kebanyakan acara tradisi serta istiadat rasmi Melayu hingga ke hari ini.

Bagaimanapun, tidak ramai yang tahu mengenai tenunan ikat limar yang suatu masa dulu juga pernah popular dalam kalangan bangsawan dan kerabat diraja di Kelantan dan Terengganu.

Pensyarah Kanan Tekstil Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Prof Madya Dr Norwani Md Nawawi, berkata kain limar dihasilkan dengan cara mengikat benang sutera dengan mencelupnya dalam pewarna mengikut corak yang diinginkan sebelum benang terbabit akan dibuka semula ikatannya.

Teknik ikat

“Selepas itu ia akan ditenuan mengikut rekaan yang dipilih. Semasa proses tenunan, benang loseng akan disediakan dalam kek alat tenun dan benang pakan akan ditenuan menerusi benang loseng terbabit.

“Kebanyakan kain limar menggunakan teknik ikat pakan yang hanya ada di Pattani, Kelantan, Terengganu dan Palembang di Sumatera,” katanya kepada Aura.

Norwani berkata, tenunan ikat limar biasanya mempunyai motif yang hampir sama dengan songket, antaranya seperti tampuk manggis, pucuk rebung, tampuk kesemak, bunga bintang dan dada lipan.

Malah katanya, kain limar dikatakan mempunyai nilai tenunan yang tinggi nilainya kerana kehalusan seni pembuatan dan tenunannya.

Teknik ikat yang digunakan dalam tenunan ini menghasilkan kain limar yang berkualiti tinggi dan dulu ia kebanyakannya diusahakan oleh penenun di kawasan Pantai Timur.


Malangnya, Perang Dunia Kedua menyebabkan tenunan ini semakin dilu-

→ Lihat Ms. b3



Peralatan menenun yang digunakan untuk tenunan ikat limar.

Norwani (kiri)
dan Tunku Azizah
Maimunah (kanan)
pada **majlis
pelancaran buku
dan pameran
seni tekstil ikat
limar** di Galeri
Seni Tuanku Nur
Zahirah, UiTM Shah
Alam, baru-baru ini.



Nora menyampaikan lagu **Selendang Limar Kain Pusaka**.

Kembalikan kegemilangan

info

Tenunan ikat limar

→ Cukup terkenal pada tahun 1610 hingga 1677.

→ Perang Dunia Ke-2 menyebabkan ia tidak lagi ditunen kerana sukar dapat bahan.

→ Terkenal dalam kalangan bangsawan dan istana untuk acara seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian.

→ Prof Madya Dr Norwani Md Nawasi dan suami, Abbas Alias menulis sendiri lagu khusus **Selendang Limar Kain Pusaka**.

→ Lagu bertujuan memperkenalkan semula kain limar kepada umum **digubah penggubah lagu, Johan Nawawi**.

→ Ia didendangkan penyanyi **Nora**.

◀ Dari Ms.b2

pakan dan tidak lagi diusahakan berikutan kesukaran untuk mendapatkan bahan membuatnya.

Dipakai Cik Siti Wan Kembang

Norwani berkata, ketika zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang, permaisuri Kelantan itu dikatakan menggunakan tiga helai kain limar yang dijadikan sebagai kain sarung, kain kembangan dan selendang.

Katanya, kain kembangan biasanya tidak bersongket manakala kain sarung limar adalah daripada bersongket yang dipakai secara melilit kain di pinggang dan dikemaskan dengan tali pinggang atau pending di bahagian tengah.

“Pada bahagian bahunya yang terdedah akan ditutup dengan selendang juga dari kain limar menyerlahkan lagi keanggunan permaisuri Kelantan yang terkenal itu,” katanya.

Beliau berkata, kain limar bersongket dianggap sebagai tenunan tekstil Melayu yang mempunyai nilai tinggi dan beliau bersama pengusaha

songket terkemuka di Terengganu, Wan Manang cuba untuk mengembalikan semula kegemilangan seni tenunan ini.

Hasilkan buku

Katanya, usaha untuk memperkenalkan semula tenunan ikat limar ini turut dilakukan Kraftangan Malaysia dengan mengadakan bengkel kain ikat pakan di Pekan, Pahang.

Malah, beliau sendiri turut menghasilkan buku yang juga hasil kajiannya bertajuk, *Ikat Limar - The Ancient Malay Textile* mengenai kain tenun limar yang semakin dilupai masyarakat masa kini.

Pelancaran buku dan pameran seni tekstil ikat limar berkenaan disempurnakan Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Maimunah Iskandariah di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Shah Alam, baru-baru ini.

Norwani turut menyimpan harapan tinggi supaya ilmu kesenian ikat limar ini dapat dikongsi dengan generasi muda.

“Harapan saya supaya ikat limar dapat diteruskan generasi akan

datang memandangkan kita kepupusan pewaris yang berminat untuk meneruskan warisan ini.

“Malah buku ini juga diharapkan dapat menjadi wadah ilmu kepada masyarakat yang masih mencintai seni warisan tradisi lama,” katanya.



Harapan saya supaya ikat limar dapat diteruskan generasi akan datang memandangkan kita kepupusan pewaris yang berminat untuk meneruskan warisan ini”

Norwani Md Nawawi,
Pensyarah Kanan Tekstil
Fakulti Seni Lukis &
Seni Reka, UiTM



Norwani bersama buku hasil kajiannya mengenai ikat limar.